

SK CATHOLIC ENGLISH PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4

PdPR Minggu 33
Khamis 7^{hb} Oktober 2021

UNIT 13 KESEDERHANAAN Kesederhanaan Dalam Berpakaian

Disediakan oleh Cikgu Hamisah

KESEDERHANAAN DALAM BERPAKAIAN



UNIT
13

 Fahami dan lakukan aktiviti.



- ◆ Wajarkah kamu membeli pakaian baharu setiap kali menghadiri majlis di kawasan kejiranan? Jelaskan.

Wajar

Tidak Wajar

Kerana saya masih mempunyai banyak pakaian lain yang masih cantik dan selesa dipakai.



Bagaimanakah kamu menggunakan kemudahan di kawasan kejiranan secara sederhana?



Tempat Pancuran Air

Sebelum memasuki kolam renang awam saya akan membersihkan diri di tempat pancuran air yang disediakan. Ini penting bagi memastikan kebersihan kolam renang terjaga dan terpelihara.



Taman Permainan

Semasa bermain di Taman Permainan Kanak-kanak di kawasan kejiranan saya akan memberi peluang kepada anak-anak jiran untuk menggunakan alat-alat permainan yang disediakan.



Nyatakan perbezaan antara sikap sederhana dengan sikap tidak sederhana.

mahal

membazir

lembut

kasar

pembaziran

murah

Sikap sederhana

Memakai pakaian yang _____ tetapi selesa dan cantik dipakai.

Pakaian ke majlis kejiranan

Sikap tidak sederhana

Memakai pakaian yang _____ dan tidak sopan dipakai.

Mengambil makanan mengikut keperluan sahaja supaya tidak _____.

Makan dalam majlis kejiranan

Mengambil makanan secara berlebihan dan menyebabkan _____.

Bercakap dengan suara yang lemah dan _____ dan bahasa yang sopan.

Perlakuan dan pertuturan terhadap jiran

Bercakap dengan nada suara yang _____ dan bahasa yang kesat.